

## SIGNIFIKAN NIAT DALAM MELAKSANAKAN PENYELIDIKAN ISLAM

**Mohd Syahmir Alias**

[syahmir@usm.my](mailto:syahmir@usm.my)

Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia

**Mohammad Zulfakhairi Mokthar**

Fakulti Pengurusan, Kolej Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah

**Khairul Bariyah Othman**

Jabatan Perdagangan, Politeknik Seberang Perai

**Abang Mohd Razif Abang Muis**

Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah

**Musmuliadi Kamaruding**

School of Advanced and Distance Learning, DRB-HICOM University of Automotive Malaysia

### Abstrak

Makalah ini meneliti keperluan mempunyai niat yang baik bagi seorang penyelidik Muslim dalam melaksanakan penyelidikan Islam. Islam menganjurkan umatnya beriltizam dalam mencari ilmu dan kebenaran. Maka, penyelidikan merupakan salah satu cara seseorang Muslim mencari ilmu dan kebenaran. Walau bagaimanapun, disebabkan oleh niat, terdapat sebuah hadis yang menjelaskan bahawa golongan pencari ilmu merupakan salah satu golongan yang terawal dimasukkan ke dalam neraka. Jika dilihat dalam konteks penyelidikan, para penyelidik yang tidak mempunyai pandangan alam yang benar berkenaan niatnya dalam menyelidiki sesuatu, maka golongan ini berpotensi menerima akibat yang dikhabarkan melalui hadis tersebut. Oleh yang demikian, makalah ini mempunyai dua objektif. Pertama, mengenal pasti konsep niat dalam konteks penyelidikan Islam; dan kedua, menganalisis signifikan penerapan niat dalam penyelidikan dengan rujukan khusus kepada ilmuwan Islam silam yang dipilih iaitu al-Khawarizmi dan Ibn Khaldun. Kedua-dua tokoh ini dipilih kerana kecemerlangan mereka mengintegrasikan ilmu akliyah dengan ilmu naqliyah. Makalah ini ditulis berdasarkan kajian dokumen dan analisis kandungan. Kajian ini mendapati, signifikan daripada penerapan niat dalam penyelidikan Islam ialah terpancarnya kesungguhan dan keikhlasan sepanjang proses penyelidikan, manakala secara jangka masa panjang, ia memberikan keberkatan terhadap penyelidik dan penyelidikannya.

**Kata kunci:** penyelidikan Islam; niat; keberkatan; al-Khawarizmi; Ibn Khaldun

## THE SIGNIFICANCE OF INTENTION IN IMPLEMENTING ISLAMIC RESEARCH

### Abstract

This paper scrutinises the necessity to have a righteous intention to a Muslim researcher in implementing Islamic research. The teachings of Islam inspired Muslim ummah to search for knowledge and truth. Hence, research is one of the way Muslim individual capable of seeking knowledge and truth. Due to intention, however, there is a hadith which utters that knowledge seekers are one of the earliest troupes to occupy the hellfire. In the context of research, researchers who do not have the correct worldview vis-à-vis their intentions to study on something, have a great potential to receive the penalties mentioned in the hadith. Therefore, this paper has two objectives. First, to identify the concept of intention in the context of Islamic research; and second, to analyse the significant of intention in research with specific reference to the selected Muslim scholars which are al-Khawarizmi and Ibn Khaldun. These two figures are chosen because of their excellences in

integrating intellectual-based knowledge with revelation-based knowledge. This paper is constructed based on document study and content analysis. The study found that the significance of intentions in Islamic research are the emanation of enthusiasm and sincerity throughout the research process, meanwhile in the long-term, blessings (*barakah*) will be bestowed to the researchers and their works.

**Keywords:** Islamic research; intention; blessings; al-Khawarizmi; Ibn Khaldun

## Pengenalan

Niat bukan sahaja suatu bentuk kemahuan, namun ia juga merupakan satu kuasa dan tenaga yang mengerakkan tingkah laku (Dyer, 2004). Dalam konteks psikologi moden, niat atau *intention* ditakrifkan sebagai perhatian seseorang terhadap sesuatu dimensi kebarangkalian yang subjektif dan melibatkan hubungan antara dirinya dengan sesuatu tindakan (Ajzen, 2005). Oleh itu, Searle (1983) membahagikan niat kepada dua: pertama, niat awalan (*prior intention*) iaitu niat yang memerlukan masa yang panjang untuk berlaku; dan kedua, niat dalam tindakan (*intention in action*) iaitu niat yang bersama-sama semasa melakukan sesuatu. Dalam konteks keagamaan, kedudukan niat dalam sesuatu perbuatan, bukan satu penekanan dalam agama Islam sahaja malah turut diberi perhatian oleh agama-agama lain. Dalam agama Kristian, niat disebut di dalam Bible sekurang-kurangnya pada 21 para (Dick, 2015), manakala dalam agama Hindu pula, niat atau dalam istilah bahasa Sanskritnya iaitu *sankalpa*, menekankan bahawa ia merupakan permulaan bagi sesuatu karma. Niat juga bertindak sebagai strategi yang mempunyai kelangsungan dalam membentuk pemikiran tingkah laku menjadi baik atau buruk (Jayaram, 2015).

Berdasarkan ajaran Islam, niat diletakkan sebagai asas dan tunjang kepada perbuatan seseorang Muslim. Niat juga menjadi pembeza sama ada sesuatu perbuatan itu ialah urusan ibadah ataupun urusan adat. Dalam urusan ibadah, niat merupakan satu syarat sah dan kesempurnaan melaksanakannya, manakala dalam urusan adat, niat bukan satu keutamaan. Namun, jika urusan adat dilakukan dengan niat kerana Allah SWT untuk memelihara kesihatan dan keselamatan serta membolehkannya mendekatkan diri kepada Allah SWT, maka urusan tadi telah mendapat kebaikan dan ganjaran pahala (an-Nawawi, 2009). Kedudukan niat dalam perbuatan juga disebut dalam hadis Rasulullah SAW. Antara hadis utama yang mempunyai nilai yang tinggi dalam Islam kerana banyak hukum didasarkan kepadanya ialah sabda Rasulullah SAW:

إِنَّمَا الْأَعْمَالُ بِاللَّيْلَاتِ وَإِنَّمَا لِكُلِّ اِمْرٍئٍ مَا نَوَى فَمَنْ كَانَتْ هِجْرَتُهُ إِلَى دُنْيَا يُصِيبُهَا أَوْ  
إِلَى اِمْرَأَةٍ يَنْكِحُهَا فَهِجْرَتُهُ إِلَى مَا هَاجَرَ إِلَيْهِ.

Maksudnya:

“Setiap perbuatan adalah dengan niat dan hanya bagi tiap-tiap seorang apa yang ia niatkan. Maka sesiapa yang hijrahnya kerana Allah SWT dan Rasul-Nya, maka hijrahnya kepada Allah dan Rasul-Nya, dan sesiapa yang hijrahnya bagi dunia yang ia akan perolehnya atau perempuan yang ia ingin kahwininya, maka hijrahnya kepada perkara yang ia akan berhijrah kepadanya.” (Riwayat al-Bukhari, no. hadis: 1)

Dari sudut pencarian ilmu, ilmu itu sendiri sememangnya merupakan perkara yang diberi keutamaan dalam Islam. Hal ini dijelaskan sama ada melalui ayat-ayat al-Quran dan hadis, mahupun saranan para ilmuwan Islam (al-Qardawi, 1996). Selaras dengan peranan niat dalam urusan adat, fungsi ilmu yang paling asas dalam Islam juga mempunyai persamaan dengan peranan niat iaitu adalah untuk mendekatkan diri ilmuwan dengan Allah SWT (Agus Purwanto, 2008). Hal ini berpandukan potongan ayat al-Quran berikut:

﴿ إِنَّمَا يَخْشَى اللَّهَ مِنْ عِبَادِهِ الْعَلَمُؤْمِنُونَ إِنَّ اللَّهَ عَزِيزٌ غَفُورٌ ۚ ۲۸ ﴾

Maksudnya:

“Sebenarnya yang menaruh bimbang dan takut (melanggar perintah) Allah dari kalangan hamba-hamba-Nya hanyalah orang-orang yang berilmu (*al-'ulama*). Sesungguhnya Allah Maha Kuasa, lagi Maha Pengampun.” (Fatir, 35:28)

Berdasarkan ayat tersebut, orang yang berilmu sentiasa berada dalam keadaan berwaspada dan takut kepada Allah SWT. Dengan sifat tersebut, Allah SWT meninggikan darjat ilmuwan yang sejati berbanding orang yang tidak berilmu (Sayyid Qutb, 2000). Malah darjat seorang ahli ilmu berada selepas para Malaikat. Natijah ini seperti yang dijelaskan dalam ayat berikut:

شَهِدَ اللَّهُ أَنَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ وَالْمَلَائِكَةُ وَأُولُو الْعِلْمٍ قَائِمًا بِالْقِسْطِ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ الْعَزِيزُ

الْحَكِيمُ ۖ ۱۸

Maksudnya:

“Allah menerangkan (kepada sekalian makhluk-Nya dengan dalil-dalil dan bukti) bahawasanya tidak ada Tuhan (yang berhak disembah) melainkan Dia yang sentiasa mentadbir (seluruh alam) dengan keadilan, dan malaikat-malaikat serta orang-orang yang berilmu (mengakui dan menegaskan juga yang demikian); tidak ada Tuhan (yang berhak disembah) melainkan Dia; yang Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana.” (Ali ‘Imran, 3:18)

Menurut al-Qurtubi (2006) dan al-‘Utsaimin (2006) berdasarkan ayat ini, Allah SWT mengambil kesaksian daripada para ilmuwan secara berturutan selepas kesaksian daripada para Malaikat mengenai keesaan-Nya dengan tujuan memuliakan golongan tersebut. Malah, Rasulullah SAW juga meletakkan golongan ilmuwan sebagai pewaris ilmunya. Baginda bersabda:

إِنَّ الْعُلَمَاءَ وَرَثَتُهُ الْأَنْبِيَاءُ وَإِنَّ الْأَنْبِيَاءَ لَمْ يُورِثُوا دِينَارًا وَلَا دِرْهَمًا وَرَثُوا الْعِلْمَ فَمَنْ أَحَدَهُ أَحَدٌ حَظِّيَ وَافِرٌ.

Maksudnya:

“Sesungguhnya para ilmuwan (*al-'ulama*) ialah pewaris para nabi. Sesungguhnya para nabi tidak mewariskan dinar dan dirham. Sesungguhnya mereka hanya mewariskan ilmu. Sesiapa yang mengambil warisan tersebut, dia telah mengambil bahagian yang banyak.” (Riwayat Abu Dawud, no. hadis: 3157)

Justeru, para ilmuwan ialah golongan manusia yang dimuliakan oleh Allah SWT dan Rasul-Nya serta diberikan ganjaran yang berterusan. Mereka sentiasa beradab dan bersifat merendah hati (tawaduk), serta patuh kepada arahan Allah SWT. Sebagai salah satu cabang dalam proses menimba ilmu, penyelidikan dari perspektif Islam juga wajar mengambil iktibar daripada perkara-perkara yang ditekankan dalam al-Quran dan hadis. Secara hakikinya, penyelidikan merupakan suatu proses mencari kebenaran dan sekali gus memperoleh ilmu pengetahuan (Ross, 1974). Malah, menurut Ziauddin Sardar (1992), ilmu sentiasa berpihak kepada kebenaran. Walaupun dilihat bahawa banyak sumber wahyu yang menyatakan kelebihan para ilmuwan, dalam konteks penyelidikan iaitu para penyelidik Muslim yang komited kepada kebenaran, pada masa yang sama terdapat juga hadis yang menyatakan golongan ini sebagai antara golongan yang terawal dibicarakan pada hari pembalasan. Rasulullah SAW bersabda:

...وَرَجُلٌ تَعْلَمَ الْعِلْمَ وَعَلِمَهُ وَقَرَأَ الْقُرْآنَ فَأَتَى بِهِ فَعَرَفَهُ نِعْمَةٌ فَعَرَفَهَا قَالَ فَمَا عَمِلْتَ فِيهَا قَالَ تَعْلَمْتُ الْعِلْمَ وَعَلِمْتُهُ وَقَرَأْتُ فِيلَ الْقُرْآنَ قَالَ كَذَبْتَ وَلَكِنَّكَ تَعْلَمْتَ الْعِلْمَ

لِيُقَالَ عَالِمٌ وَقَرَاتِ الْقُرْآنَ لِيُقَالَ مُؤْمِنٌ قَارِئٌ فَقَدْ قِيلَ ثُمَّ أُمِرَ بِهِ فَسُحِبَ عَلَى وَجْهِهِ  
حَتَّى أُقِيِّ في النَّارِ...

Maksudnya:

“... Kemudian, didatangkan pula seseorang yang menuntut ilmu, mengajarkannya dan membaca al-Quran, lalu diperlihatkan kepadanya kenikmatan sehingga dia mengetahuinya dengan jelas, lantas Allah bertanya: ‘Apa yang telah kamu lakukan?’ Dia menjawab, ‘Saya telah belajar ilmu dan mengajarkannya, saya juga membaca al-Quran demi Engkau.’ Allah berfirman: ‘Kamu berdusta, akan tetapi kamu menuntut ilmu dan mengajarkannya serta membaca al-Quran agar dikatakan seorang yang berilmu (*‘alim*) dan dipanggil qari, dan kini kamu telah dikatakan seperti itu.’ Kemudian diperintahkan kepadanya supaya dia dicampakkan dan dilemparkan ke dalam neraka...” (Riwayat Muslim, no. hadis: 3527)

Berdasarkan hadis tersebut, golongan manusia yang kedua dihisab ialah golongan yang menuntut ilmu atau golongan ilmuwan. Walaupun secara zahirnya golongan ini bertujuan mencari ilmu dan mengajarkannya, namun pada akhirnya mereka tidak dimasukkan ke dalam syurga kerana mempunyai tujuan lain iaitu mendapat nama dan pujian daripada orang lain. Dalam erti kata lain, golongan ini mempunyai sifat riak yang bersangkut paut dengan niat mereka yang diketahui oleh Tuhan yang Maha Mengetahui perkara yang batin dan tersembunyi.

Oleh yang demikian, bagi menjelaskan lagi tasawur niat dalam Islam dan kesannya terhadap penyelidikan Islam secara unggul atau ideal, makalah ini mempunyai dua tujuan utama. Pertama, mengenal pasti tasawur niat dalam Islam. Kedua, menganalisis signifikan niat dalam penyelidikan Islam. Bagi memenuhi tujuan tersebut, makalah ini ditulis berdasarkan pengumpulan data sekunder melalui kajian dokumen dan menganalisisnya melalui kaedah analisis kandungan. Makalah ini dibahagikan kepada empat bahagian iaitu pertama, hakikat niat dalam Islam; kedua, mekanisme niat dari perspektif Islam; ketiga, niat dalam konteks penyelidikan; dan keempat, signifikan niat dalam penyelidikan oleh al-Khawarizmi dan Ibn Khaldun.

### Hakikat Niat

Niat bererti tujuan mengerjakan sesuatu dan diikuti dengan perlakuan dan tempatnya adalah dalam hati (an-Nawawi, 1988). Dari sudut bahasa, niat membawa maksud kehendak hati. Para ulama merumuskan takrif niat dengan elemen penting kehendak iaitu tujuan dan keinginan (Umar Sulaiman al-Asyqar, 2006). Tabii niat yang bermula daripada jiwa atau hati juga dijelaskan dalam ayat al-Quran:

وَلَقَدْ حَلَقْنَا أُلَيْإِنْسِنَ وَنَعْلَمُ مَا تُوَسِّعُ بِهِ نَفْسَهُ وَنَخْنُ أَقْرَبُ إِلَيْهِ مِنْ حَبْلِ الْوَرِيدِ ٦

Maksudnya:

“Demi sesungguhnya, Kami telah mencipta manusia dan Kami sedia mengetahui apa yang dibisikkan oleh jiwanya (*nafsu*), sedang (pengetahuan) Kami lebih dekat kepadanya daripada urat lehernya.” (Qaf, 50:16)

Menurut Ibn Kathir (2000), ayat ini menunjukkan kekuasaan Allah SWT terhadap manusia dan Allah SWT mengetahui apa yang dibisikkan oleh hati manusia sama ada baik atau buruk. Oleh itu, segala apa yang timbul dalam hati manusia sama ada terfikir atau teringinkan sesuatu sama ada baik atau buruk semuanya diketahui oleh Allah SWT. Hamka (1987) menjelaskan bahawa dalam ayat Qaf (50:16), Allah SWT bertujuan menunjukkan kelebihan manusia berbanding makhluk-Nya yang lain. Manusia dijadikan dengan kelebihan akal, perasaan dan berkeinginan, budi pekerti, cita-cita dan angan-angan. Justeru, setiap gerak hati dan niat untuk melakukan sesuatu yang baik mahupun buruk, semuanya adalah dalam pengetahuan Allah SWT. Ayat ini kemudiannya dikuatkan lagi dengan hadis Rasulullah SAW berikut:

إِنَّ اللَّهَ تَحَاوَرَ لِي عَنْ أُمَّيَّتِي مَا وَسْوَسْتُ بِهِ صُدُورُهَا مَا لَمْ تَعْمَلْ أَوْ شَكَلَ.

Maksudnya:

“Sesungguhnya Allah memberi kelonggaran kepadaku tentang umatku (mereka tidak dianggap melakukan dosa daripada) perkara yang dibisikkan dalam dadanya (*suduruha*) selagi mana ia tidak dikerjakan atau diucapkannya.” (Riwayat al-Bukhari, no. hadis: 2343)

‘Perkara yang dibisikkan dalam dadanya (hatinya)’ dalam hadis tersebut jelas menunjukkan bahawa niat itu terbentuk atau terlintas dalam dada atau hati atau jiwa manusia. Walaupun kelihatan istilah berkenaan hakikat sebenar tempat berlakunya niat yang digunakan adalah berbeza-beza, perkara ini dijelaskan oleh al-Attas (2002). Perbezaan berlaku kerana perbezaan kegiatan sifat-sifatnya yang sentiasa berlaku: apabila ia terlibat dalam pemikiran dan pendapat ianya dinamakan “*akal*”; apabila ia terlibat dalam mentadbir badan ianya dinamakan “*jiwa*”; apabila ia terlibat dalam penerimaan cahaya petunjuk ianya dinamakan “*hati*”; apabila ia kembali ke alam asalnya, ianya dinamakan “*roh*”. Selain itu, hadis tersebut juga menguatkan lagi bahawa setiap perkara yang terlintas dalam hati manusia itu tidak akan dijatuahkan hukuman melainkan ia dilakukan atau dilafazkan, kerana Allah SWT itu mengetahui setiap perkara yang berada dalam hati manusia (al-Bukhari, no. hadis: 2343).

Al-Ghazali (2007) menjelaskan bahawa ‘hati’ manusia bukan merujuk kepada hati fizikal (jantung), tetapi merujuk kepada hati rohani yang bersifat halus ketuhanan (*latifah rabbaniyyah*) yang memiliki pengetahuan dan mampu memahami segala perkara, perintah dan larangan Allah SWT. Walau bagaimanapun, hati rohani juga turut berkait rapat dengan hati fizikal kerana terdapat perhubungan yang kuat antara hati dengan anggota-anggota jasmani yang lain. Hal ini kerana, hati bertindak memahami sesuatu perkara dan hati fizikal yang menggerakkan anggota badan. Oleh yang demikian, secara hakikinya, niat terbentuk dalam hati rohani dan bersangkutan paut juga dengan hati fizikal untuk menggerakkan anggota badan lain melaksanakan apa-apa yang diniatkan.

### Mekanisme Niat

Perkara yang dimaksudkan dengan mekanisme niat dalam perbincangan ini meliputi input atau faktor yang mempengaruhi niat, proses iaitu tatacara pelaksanaan niat dan akhir sekali output iaitu hasil pelaksanaan niat. Menurut al-Ghazali (1980), niat merupakan keadaan hati yang dipengaruhi oleh dua perkara sebagai inputnya iaitu ilmu dan kehendak. Secara fitrahnya, manusia tidak memiliki sebarang pengetahuan. Lalu Allah SWT menciptakan akal untuk membantu manusia. Akal ditakrifkan sebagai sesuatu yang dapat mengetahui hakikat tentang semua perkara dan mengumpul segala maklumat. Pentakrifan ini merujuk kepada sifat hati iaitu hakikat manusia yang dapat mengumpul dan menangkap segala makna, berpengetahuan dan arif.

Dalam konteks ilmu, Allah SWT yang pertama memberikan ilmu kepada manusia. Ilmu awal ini disebut sebagai ilmu iaitu ilmu yang berdasarkan naluri (fitrah). Ilmu berdasarkan naluri boleh didapati daripada ilham tanpa perlu dipelajari atau dipanggil sebagai ilmu *daruri*. Ilmu *daruri* ini jelas ditunjukkan oleh Allah SWT dalam proses kelahiran manusia contohnya bayi yang baru dilahirkan akan menangis apabila merasa lapar dan mempunyai pengetahuan untuk menghisap susu. Selain daripada ilmu *daruri*, ilmu berdasarkan naluri juga merangkumi ilmu yang diperoleh melalui pembelajaran dan pembuktian atau dikenali sebagai ilmu *iktasabi*. Ilmu *iktasabi* ini dapat dibahagikan kepada dua bahagian iaitu ilmu dunia seperti ilmu matematik dan ilmu ukhrawi seperti ilmu ketuhanan (al-Ghazali, 1977).


Walau bagaimanapun, ilmu sahaja tidak akan menghasilkan niat sekiranya tidak ada pendorong. Jika tidak ada pendorong untuk seseorang manusia berkeinginan kepada sesuatu, maka anggota badan tidak akan bergerak untuk mendapatkan sesuatu. Oleh itu, diperlukan elemen kedua dalam membentuk niat iaitu kehendak. Kehendak ialah apabila seseorang menggunakan akalnya untuk menilai sesuatu perkara dan mendapatkan bahawa perkara itu adalah baik untuk dirinya lalu membangkitkan keinginan dan kehendak untuk melakukan perkara tersebut. Kehendak muncul dipengaruhi oleh dua perkara lain iaitu syahwat dan amarah yang boleh menyebabkan niat menjurus

kepada perkara-perkara negatif. Oleh itu, ilmu diperlukan untuk mengawal kesan-kesan pengaruh negatif syahwat dan amarah iaitu sebagai input kepada proses pembentukan niat (al-Ghazali, 1977).

Berikutnya, dalam proses pembentukan niat, kehendak menjadi elemen penguat yang mewujudkan dorongan terhadap sesuatu perkara. Proses ini dikenal pasti sebagai penentuan keputusan. Niat yang terbentuk pada peringkat ini masih lagi bukan niat yang muktamad. Pada peringkat ini, keputusan sama ada untuk melakukan sesuatu atau tidak melakukan sesuatu perbuatan masih belum berlaku. Proses seterusnya ialah penyabitan iaitu pertimbangan hati terhadap sesuatu perkara untuk menentukan sesuatu niat itu perlu dilakukan ataupun tidak. Pertimbangan hati ialah peringkat membuat keputusan yang melibatkan proses penilaian sama ada dalam bentuk refleksi atau penilaian sebab akibat terhadap sesuatu perkara yang diniatkan untuk dilakukan. Selepas penilaian terhadap baik dan buruk sesuatu yang bakal dilakukan tersebut, barulah keputusan diambil sama ada untuk melakukan tingkah laku tersebut ataupun tidak (al-Ghazali, 1977).

Apabila sesuatu keputusan telah diputuskan, maka peringkat perlaksanaan berlaku iaitu apabila kemampuan berfungsi menggerakkan anggota badan manusia melakukan tingkah laku seperti yang telah diarahkan oleh hati. Oleh itu, tenaga dan kemampuan diperlukan untuk menggerakkan anggota badan yang dipengaruhi oleh pemangkin iaitu perkara yang menguatkan sesuatu tingkah laku itu perlu dilakukan seperti sangkaan dan tekad. Melalui proses terakhir, tenaga dan kemampuan menghasilkan tindakan yang dimainkan peranan oleh anggota badan fizikal. Oleh itu, niat berlaku secara batin dan dimanifestasikan melalui perbuatan zahir (al-Ghazali, 1977).

Secara asasnya, sesuatu keputusan untuk bertindak itu muncul disebabkan oleh wujudnya lintasan dalam hati iaitu cadangan-cadangan yang muncul secara spontan ataupun setelah melihat hasil sesuatu perkara sebagai output daripada niat tersebut. Secara inti patinya, makalah ini melakarkan rajah dalam menjelaskan perihal niat dalam konteks mekanismenya. Hal ini dipaparkan dalam Rajah 1.



Rajah 1: Mekanisme Niat

Berdasarkan Rajah 1, input dan output bagi mekanisme niat secara hakikinya berlaku dalam hati. Niat dipengaruhi oleh ilmu yang merangkumi ilmu *daruri* dan ilmu *iktisabi* seseorang manusia serta kehendaknya. Kehendak yang tidak dikawal dengan ilmu akan melahirkan niat kepada perbuatan negatif kerana ia berasaskan syahwat dan amarah. Berikutnya, kedua-dua input ini menjadi pendorong kepada tiga proses penting dalam pembentukan niat iaitu: penentuan keputusan, penyabitan menerusi

pertimbangan baik atau buruk, dan penetapan keputusan. Melalui proses terakhir, tenaga dan kemampuan menghasilkan tindakan yang dimainkan peranan oleh anggota badan yang fizikal. Oleh itu, niat berpaksikan kepada perkara yang batin dan dimanifestasikan melalui perkara yang zahir.

### Niat Dalam Konteks Melaksanakan Penyelidikan

Secara umumnya, niat dalam Islam merupakan perkara paling asas dalam kemahuan melakukan apa jua tugas termasuklah penyelidikan. Niat dihubungkan dengan tekad dan keazaman untuk melakukan sesuatu pekerjaan dengan sebaik yang mungkin. Ia mesti jelas tidak bertentangan dengan syariat Islam (Sidek Baba, 2012). Niat turut dihubungkan dengan hubungan dengan Pencipta (*habl mina'Llah*) dan hubungan sesama manusia (*habl mina'n-nas*). Niat bukan sahaja terdetik di hati atau dilafazkan dalam permulaan langkah tugas, tetapi membawa keazaman yang tinggi bahawa ia ingin dilakukan sebaik-baiknya, mempunyai manfaat yang sebanyak mungkin dan mendapat keredaan Allah SWT (Muhammad Syukri Salleh, 2003).

Penyelidikan merupakan suatu proses mencari dan mendapatkan ilmu pengetahuan untuk mengembangkan pengetahuan manusia (Afifuddin & Beni Ahmad Saebani, 2009). Dalam perbincangan sebelum ini, didapati ilmu dan kehendak merupakan dua perkara yang menjadi input kepada niat. Persoalan yang timbul ialah, apakah jenis ilmu yang perlu dipelajari sebelum seseorang melaksanakan penyelidikan? Persoalan ini dijawab oleh sarjana-sarjana Muslim silam. Antaranya ialah Ibn al-Mubarak menyatakan:

طلب الأدب ثلاثين سنة، وطلبت العلم عشرين سنة، وكانوا يطلبون.

Maksudnya:

“Aku mempelajari adab itu selama 30 tahun, sedangkan aku menuntut ilmu selama 20 tahun. Dan hendaklah mereka mempelajari adab, kemudian barulah menuntut ilmu.” (al-Jazari, 2006:399)

Dalam petikan tersebut, Ibn al-Mubarak ingin menunjukkan kepentingan mempelajari dan memelihara adab sebelum mempelajari sesuatu ilmu. Adab, menurut al-Attas (1980:17), ditakrifkan sebagai:

*“... recognition and acknowledgement of the reality that knowledge and being are ordered hierarchically according to their various grades and degrees of rank, and of one's proper place in relation to that reality and to one's physical, intellectual and spiritual capacities and potentials.”*

Terjemahan: “... pengakuan dan pengiktirafan terhadap hakikat bahawa ilmu pengetahuan dan kewujudan tersusun secara bermartabat mengikut pelbagai gred dan darjah tersendiri, dan tempat yang wajar bagi seseorang dalam hubungan kepada hakikat tersebut, dan muatan dan potensi jasmani, intelektual dan rohani seseorang.”

Secara inti pati, adab merupakan suatu ilmu yang memelihara manusia daripada pertimbangan nilai yang salah (al-Attas, 1980). Adab seperti berperilaku terpuji (*mahmudah*) dan berperilaku tercela (*madhmumah*) ialah berasaskan darjah-darjah dalam hukum fikah (*al-ahkam al-khamsah*) iaitu wajib, sunat, harus, makruh dan haram. Ia mempunyai ketetapannya yang bersumberkan wahyu Allah SWT (Haron Din, 1990). Oleh yang demikian, adab secara keseluruhannya dapat menghasilkan perilaku dan pertimbangan seseorang penyelidik yang mengikut acuan al-Quran dan hadis (Asmawati Suhid, 2009). Hal ini menunjukkan pentingnya adab sebagai ilmu pendahulu (*prior knowledge*) untuk menetapkan niat yang baik oleh para penyelidik.

Selain itu, penetapan niat juga dipengaruhi oleh kehendak. Dalam konteks penyelidikan, kehendak yang berasaskan perasaan cinta dan keghairahan (*passion*) melaksanakan penyelidikan mampu mencetuskan intuisi (gerak hati) dalam penyelidikan. Al-Ghazali memberikan panduan untuk mencetuskan intuisi iaitu penyelidik perlu tidak terputus sama sekali daripada tumpuan atau objek

penyelidikan. Jadi, seseorang penyelidik perlu mempunyai niat dengan menaruh minat yang mendalam terhadap perkara yang dikajinya (Hasan Langgulung, 1986).

### **Signifikan Niat Dalam Penyelidikan: Rujukan Kepada Al-Khawarizmi Dan Ibn Khaldun**

Adab dan cinta secara sebagai pencetus niat secara tidak langsung membawa kepada satu bentuk implikasi yang ideal dalam penyelidikan iaitu keikhlasan. Menurut al-Kharraz (1937), penyelidik yang ikhlas ialah pertama, melakukan sesuatu tugas kerana Allah SWT melalui hati yang mengawal akalnya; kedua, berhati-hati dengan tujuannya; dan ketiga, memohon bantuan Allah SWT dalam setiap tugas.

Tidak dinafikan lagi, keikhlasan memang wujud secara khusus dalam diri ilmuwan Islam silam. Oleh itu, makalah ini turut memperturunkan petikan-petikan kata yang menjadi bukti keikhlasan yang dipraktikkan melalui niat yang baik oleh dua orang tokoh ilmuwan Islam silam yang ternama dalam bidang masing-masing iaitu Muhammad ibn Musa al-Khawarizmi dan Abu Zayd ‘Abd al-Rahman ibn Muhammad ibn Khaldun. Al-Khawarizmi (1937) menjelaskan niat penulisan karyanya, *Kitab al-Jabr wa al-Muqabalah* seperti berikut:

مقدماً لحسن النية فيه وراجيا لأن ينزله أهل الأدب بفضل ما استودعوا من نعم الله  
تعالى وجليل آلاته وجميل بلائه عندهم منزلته وبالله توفيقى في هذا وفي غيره عليه  
توكلت وهو رب العرش العظيم. وصلى على جميع الانبياء والمرسلين.

Maksudnya:

“Saya awali penulisan ini dengan niat yang baik dan mengharapkan ia sampai kepada golongan ilmuwan (*ahl al-adab*) dan dengan kelebihan yang ada pada mereka, mereka mendoakan saya dengan kemuliaan yang terdapat di sisi mereka daripada nikmat Allah Taala yang Maha Agung dan Maha Indah kurniaan-Nya. Dengan nama Allah saya memohon taufik untuk urusan ini dan pada urusan lain. Kepada-Nya saya bertawakal dan Dia-lah Pemilik ‘Arasy yang agung. Selawat juga ke atas para nabi dan rasul.” (al-Khawarizmi, 1937:16)

Setiap ciri-ciri yang digariskan oleh al-Kharraz (1937) terdapat pada ungkapan al-Khawarizmi (1937) tersebut. Walau bagaimanapun, karya beliau yang pada asalnya ingin memudahkan cara penyelesaian masalah wasiat dan muamat al-Umat Islam, disingkirkan unsur tersebut apabila diterjemahkan ke dalam bahasa Eropah pada kurun ke-13. Keadaan sedemikian melahirkan algebra yang bebas nilai seperti yang terdapat dalam pengajian matematik moden (Mat Rofa Ismail, 2012). Meskipun begitu, hasil penyelidikan al-Khawarizmi (1937) ini masih lagi dapat diambil manfaat dalam kalangan ilmuwan masa kini. Begitu juga yang ditegaskan oleh Ibn Khaldun (2005) dalam karya beliau, *al-Muqaddimah*. Beliau menjelaskan perkara berikut:

فإن كنت قد استوفيت مسائله رميت عن سائر الصائع أنحاءه، فتوفيق من الله  
وهداية. وإن فاتني شيء في أحصائه، واشتبهت بغيره مسائله، فللناظر الحق  
اصلاحه، ولـي الفضل أنـي نـجـت لـه السـبـيل، وأوضـحت الـطـرـيق، وـالـلـهـ يـهـدـيـ بـنـورـهـ مـنـ  
يشـاءـ.

Maksudnya:

“Sekiranya saya berjaya menyelesaikan permasalahan ilmu ini secara mendalam dan menunjukkan perbezaan ilmu tersebut, semuanya diperoleh daripada Allah dan hidayah-Nya. Sebaliknya, jika saya tidak berjaya dalam beberapa permasalahan, maka tugas para pentahkik memperbaikinya, tetapi kelebihan itu milik saya kerana merintis dan menandakan jalan. Allah memberi hidayah dan cahaya-Nya kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya.” (Ibn Khaldun, 2005:62)

Kedua-dua ilmuwan ini mempunyai persamaan, iaitu pengharapan mereka supaya apa jua yang mereka selidiki, mengembalikan manfaatnya kepada mereka. Niat di sini berperanan dalam jangka masa yang panjang melalui manfaat diperoleh daripada hasil penulisan mereka. Akibat jangka masa panjang ini dikenali sebagai keberkatan. Keberkatan ialah hasil yang diperoleh daripada sesuatu yang bermanfaat dan mampu memberi panduan kepada manusia lain (Nor Hanani Ismail, 2015). Keikhlasan secara unggulnya dapat menghasilkan kejayaan kepada seseorang agar berusaha mencapai matlamat menemui kebenaran dan keadilan (Haron Din, 1991; Shuhairimi Abdullah, 2000).

Dalam konteks penyelidikan, keikhlasan penting supaya penyelidik diberikan petunjuk oleh Allah SWT kerana petunjuk daripada Allah SWT merupakan petunjuk kepada keberkatan penyelidikan yang dijalankan (Nor Hanani Ismail, 2015). Sebagai hamba Allah SWT, seseorang penyelidik mesti sentiasa ikhlas dalam melakukan ibadah umum kepada-Nya, dalam konteks ini berkaitan dengan urusan penyelidikannya. Perkara sedemikian selaras dengan firman Allah SWT yang bermaksud:

وَمَا أُمِرُوا إِلَّا لِيَعْبُدُوا اللَّهَ خُلُصِينَ لَهُ الْكِبَرَىٰ حُنَفَاءَ وَيُقِيمُوا الصَّلَاةَ وَيُؤْتُوا الْزَكَوَةَ  
وَذَلِكَ دِينُ الْقِيَمَةِ ۝

Maksudnya:

“Padahal mereka tidak diperintahkan melainkan supaya menyembah Allah dengan mengikhlaskan ibadah kepada-Nya, lagi tetap teguh di atas tauhid dan supaya mereka mendirikan sembahyang serta memberi zakat dan yang demikian itulah agama yang benar.” (al-Bayyinah, 98:5).

Ayat tersebut merupakan saranan daripada Allah SWT kepada hamba-Nya yang beriman untuk sentiasa menyembah-Nya dengan mengikhlaskan segala ibadah yang dilakukan hanya kerana Allah SWT. Bagi ibadah umum, kaedahnya ditentukan melalui lima syarat utama yang perlu dipenuhi. Pertama, ia dilakukan dengan niat ikhlas kerana Allah SWT dan dengan harapan untuk mendapat keredaan-Nya. Kedua, setiap isi kandungan tugas yang dilakukan tidak bertentangan dengan syariat Islam. Ketiga, pelaksanaannya mengikut syariat Islam yakni selaras dengan prinsip-prinsip Islam seperti amanah, adil dan sebagainya. Keempat, natijah atau hasilnya juga tidak bercanggah dengan syariat. Kelima, setiap usaha dan tugas yang dilaksanakan itu tidak melekakan mereka daripada menuaikan ibadah-ibadah khusus (Sidek Baba, 2012; Mohd Shukri Hanapi, 2013; Zakiah Omar, 1999).

Peringkat terakhir dalam niat melaksanakan penyelidikan Islam tidak berakhir apabila penyelidikan itu dilakukan, malah ia melangkaui perkara selepas penyelidikan itu dilakukan. Hal ini melibatkan peringkat balasan Allah SWT terhadap sesuatu tingkah laku yang telah dilakukan. Dalam konteks ini, setiap manusia bertanggungjawab terhadap dirinya atas setiap perkara yang dilakukan (al-Ghazali, 2007). Oleh itu, setiap tingkah laku diberikan balasan dosa dan pahala. Walau bagaimanapun, penentuan dosa dan pahala ini turut berlaku pada peringkat yang lebih awal lagi iaitu dalam proses pembentukan niat. Hal ini berdasarkan sabda Rasulullah SAW:

فَمَنْ هُمْ بِحَسَنَةٍ فَلَمْ يَعْمَلُهَا كَتَبَهَا اللَّهُ لَهُ عِنْدَهُ حَسَنَةً كَامِلَةً فَإِنْ هُوَ هُمْ بِهَا فَعَمِلُهَا  
كَتَبَهَا اللَّهُ لَهُ عِنْدَهُ عَشْرَ حَسَنَاتٍ إِلَى سَبْعِ مِائَةٍ ضِعْفٍ إِلَى أَضْعَافٍ كَثِيرَةٍ وَمَنْ هُمْ  
بِسَيِّئَةٍ فَلَمْ يَعْمَلُهَا كَتَبَهَا اللَّهُ لَهُ عِنْدَهُ حَسَنَةً كَامِلَةً فَإِنْ هُوَ هُمْ بِهَا فَعَمِلُهَا كَتَبَهَا اللَّهُ  
لَهُ سَيِّئَةً وَاحِدَةً.

Maksudnya:

“Barang siapa yang ingin berbuat kebaikan tetapi tidak jadi melakukannya, Allah SWT memberikannya pahala atas kebaikan tersebut dengan sempurna dan jika dia melakukan kebaikan tersebut Allah SWT membalaunya dengan pahala sampai 700 kali ganda. Barang siapa yang ingin berbuat kejahanan tetapi tidak jadi melakukannya, Allah SWT

memberikannya pahala dengan sempurna. Jika dia melakukan kejahanan tersebut maka Allah SWT akan memberikannya satu dosa kejahanan sahaja.” (Riwayat al-Bukhari, no. hadis: 6010)


Dengan niat yang betul, seseorang penyelidik diberi ganjaran yang baik oleh Allah SWT berupa pahala. Sekiranya seseorang penyelidik mempunyai keimanan bahawa ilmu yang ingin diperoleh melalui kajian itu datang daripada Allah SWT, maka beliau akan sentiasa memberikan komitmen yang terbaik untuk melaksanakan penyelidikan tersebut. Sungguhpun komitmen untuk mencapai kebenaran itu perlu diberikan perhatian yang tinggi, namun seseorang pengkaji juga tidak dapat mengelakkan dirinya secara total daripada melakukan kesalahan dalam berhujah, mengemukakan bukti dan membuat kesimpulan. Dalam hal ini, kesilapan dalam memutuskan kesimpulan setelah berusaha bersungguh-sungguh melaksanakan kajian secara mendalam turut diberi perhatian dari perspektif Islam. Hal ini dapat difahami melalui hadis Rasulullah SAW:

**إِذَا حَكَمَ الْحَاكِمُ فَاجْتَهَدَ ثُمَّ أَصَابَ فَلَهُ أَجْرٌ وَإِذَا حَكَمَ فَاجْتَهَدَ ثُمَّ أَخْطَأَ فَلَهُ أَجْرٌ**

Maksudnya:

“Apabila seorang hakim menghukum suatu perkara, lalu berijtihad dan benar, baginya dua pahala. Dan apabila dia menghukum satu perkara, lalu berijtihad dan keliru, baginya satu pahala.” (Riwayat al-Bukhari, no. hadis: 6805)

Bagi menghuraikan hadis tersebut, al-Zuhayli (1986) menyatakan terdapat satu hadis lain yang membenarkan ijтиhad dilakukan iaitu selepas merujuk kepada dalil-dalil al-Quran dan hadis. Selepas rujukan ini dilakukan, barulah ijтиhad berasaskan pemikiran (*ijtihad bi ra'y*) dibenarkan. Walau bagaimanapun, untuk mencapai matlamat yang dijelaskan dalam hadis tersebut dalam konteks penyelidikan, perkara penting yang perlu diambil perhatian ialah pentingnya darjah komitmen penyelidik yang tinggi. Walaupun sekiranya berlaku kesilapan, pada peringkat yang melepas penyelidikan dilaksanakan, Allah SWT akan menganugerahkan pahala atas kesimpulan yang diputuskan itu dengan syarat niat yang baik pada awal penyelidikan, bersungguh-sungguh dan memberi tumpuan penuh. Secara keseluruhannya, signifikan niat dalam penyelidikan Islam dapat digambarkan dalam Rajah 2.



Rajah 2: Signifikan Niat dalam Penyelidikan Islam

Berdasarkan Rajah 2, secara unggulnya, adab dalam penyelidikan dan kecintaan menyelidik merupakan input kepada penyelidikan Islam. Seterusnya, proses niat di hati ini melibatkan penentuan subjek penyelidikan, pertimbangan baik atau buruk penyelidikan yang bakal dijalankan dan pemutusan subjek yang ingin dikaji. Maka, sebagai outputnya, bermulalah perbuatan menyelidik yang dipenuhi dengan komitmen dan tumpuan kerana menganggap penyelidikan yang dilakukan sebagai ibadah kepada Allah SWT. Malah dengan memahami bahawa ia akan dinilai oleh Allah SWT, secara implisit daripada hadis riwayat al-Bukhari (no. hadis: 6805), kesungguhan tersebut dengan hasil kajian yang benar memperoleh dua ganjaran pahala, manakala kekeliruan memperoleh satu ganjaran pahala.

Hubungan yang dapat dikaitkan daripada niat yang baik sehingga perbuatan menyelidik ialah usaha penyelidikan yang murni, manakala daripada tindakan menyelidik kepada penilaian oleh Allah SWT memberi natijah keikhlasan sebagai kesan jangka masa pendek kepada penyelidik. Kesan daripada niat menyelidik sehingga penilaian oleh Allah SWT pula melibatkan hubungan keberkatan ilmu terhadap penyelidik dan orang yang memanfaatkan ilmu yang diselidikinya. Oleh yang demikian, signifikan mempunyai niat yang murni dalam penyelidikan Islam tidaklah semata-mata berdasarkan tujuan empirikal dan keduniaan, malah menyediakan suatu pandangan alam kepada penyelidik tentang wujudnya balasan baik dan buruk terhadap apa jua yang dilaksanakan dalam penyelidikannya.

### Kesimpulan

Secara keseluruhannya, makalah ini mencapai objektif yang digariskannya. Pertama, bagi mengenal pasti konsep niat dari perspektif Islam, makalah ini membincangkan hakikat niat berserta mekanismenya. Manakala objektif kedua iaitu menganalisis signifikan mempunyai niat yang murni dalam penyelidikan Islam dicapai dengan membincangkan kesan keikhlasan dan keberkatan dalam penyelidikan. Ia juga diteliti melalui kata-kata yang diungkapkan oleh ilmuwan Islam silam iaitu al-Khawarizmi dan Ibn Khaldun. Sebagai keputusannya, niat iaitu suatu lintasan yang baik dalam hati seseorang penyelidik membawa kepada keikhlasan menyelidik serta keberkatan ilmu dan menjangkau itu juga ialah balasan pahala yang diberi melalui penilaian Allah SWT. Hal ini menunjukkan balasannya bukan sahaja di dunia, malah di akhirat kerana ia merupakan sebahagian daripada ibadah umum bagi seorang penyelidik Muslim.

### Penghargaan

Penghargaan khas ditujukan kepada pihak Universiti Sains Malaysia yang telah membiayai penyelidikan ini melalui Geran Penyelidikan Jangka Pendek, Universiti Sains Malaysia (2018-2020) [304/PHUMANITI/6315177] dalam kajian yang bertajuk *Konsep Objektiviti dalam Falsafah Penyelidikan Islam: Kajian Pemikiran Al-Biruni dan Sadr Ad-Din Shirazi*.

### BIOGRAFI PENULIS

**Mohd Syahmir Alias** ialah pensyarah kanan di Bahagian Falsafah dan Tamadun, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia.

**Mohammad Zulfakhairi Mokthar** merupakan pensyarah di Fakulti Pengurusan, Kolej Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah.

**Khairul Bariyah Othman** merupakan pensyarah di Jabatan Perdagangan, Politeknik Seberang Perai.

**Abang Mohd Razif Abang Muis** merupakan pensyarah kanan di Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah.

**Musmuliadi Kamaruding** merupakan pensyarah di Faculty of Business, DRB-HICOM University of Automotive Malaysia.

## Rujukan

- Afifuddin & Beni Ahmad Saebani. (2009). *Metodologi penelitian kualitatif*. Bandung: CV Pustaka Setia.
- Agus Purwanto. (2008). *Ayat-ayat semesta: Sisi-sisi al-Quran yang terlupakan*. Bandung: Penerbit Mizan.
- Ajzen, I. (2005). *Attitudes, personality and behavior* (2nd ed.). England: Mgraw Hill Education.
- Al-'Utsaimin, Muhammad Shalih. (2006). *Panduan lengkap menuntut ilmu disertai 119 tanya jawab* (Abu Haidar al-Sundawy, Terj.). Bogor: Pustaka Ibnu Katsir.
- Umar Sulaiman al-Asyqar. (2006). *Fiqih niat* (Faisal Saleh, Terj.). Jakarta: Gema Insani.
- Al-Attas, S. M. N. (1980). *The concept of education in Islam*. Selangor: Angkatan Belia Islam Malaysia.
- Al-Attas, S. M. N. (2002). *Ma'na kebahagiaan dan pengalaman dalam Islam* (Muhammad Zainiy Uthman, Terj.). Kuala Lumpur: International Institute of Islamic Thought and Civilization.
- Al-Ghazali. (1977). *Keajaiban hati* (Nurhickmah, Terj.). Singapura: Pustaka Nasional.
- Al-Ghazali. (1980). *Penyakit-penyakit hati* (Muh Labib Ahmad, Terj.). Kelantan: Syarikat Dian.
- Al-Ghazali. (2007). *Wonders of the heart* (W. J. Skellie, Terj.). Kuala Lumpur: Islamic Book Trust.
- Al-Jazari, Shams ad-Din Abi al-Khayr Muhammad. (2006). *Ghayah al-nihayah fi tabaqat al-qura'*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Kharraz, Abu Sa'id Ahmad 'Isa. (1937). *The book of truthfulness: Kitab al-sidq* (A. J. Arberry, Terj.). London: Oxford University Press.
- Al-Khawarizmi, Muhammad Musa. (1937). *Kitab al-jabr wa al-muqabalah*. 'Ali Mustafa Musyrifah & Muhammad Mursi Ahmad (Ed.). Kaherah: Matba'ah Bul Barbiyah.
- Al-Qardawi, Yusuf. (1996). *Fiqh keutamaan (Keutamaan tugas-tugas kaum Muslimin)*: Suatu Kajian dari perspektif al-Qur'an dan al-Sunnah (Ahmad Nuryadi Asmawi, Terj.). Selangor: Thinker's Library.
- Al-Qurtubi, Abi 'Abd Allah Muhammad Ahmad. (2006). *Al-jami' li ahkam al-Qur'an al-juz' al-khamis*. 'Abd Allah 'Abd al-Muhsin (Ed.). Beirut: Mu'assasah al-Risalah.
- Al-Zuhayli, Wahbah. (1994). *Fiqh dan perundangan Islam* (Jld. I, Syed Ahmad Syed Hussein et al., Terj.). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- An-Nawawi. (1988). *Hadis empat puluh* (Mustafa Abdul Rahman, Terj.). Kuala Lumpur: Dewan Pusaka Fajar.
- An-Nawawi. (2009). *42 hadis pilihan, syarah al-arbain an-Nawawiyah* (Nabilah Abd. Jalil, Terj.). Selangor: Al-Hidayah Publication
- Asmawati Suhid. (2009). *Pendidikan akhlak dan adab Islam: Konsep dan amalan*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors.
- Dick, R. (2015). *The power of intent*. Dicapai daripada <https://www.gci.org/gospel/evang/intent>.
- Dyer, W. W. (2004). *The power of intention: Learning to co-create your world your way*. USA: Hay House.
- Hamka, Abdul Malik Abdul Karim Amrullah (1987). *Tafsir al-azhar juzu' 26*. Singapura: Pustaka Nasional.
- Haron Din. (1990). *Manusia dan Islam* (Jld. III). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Haron Din. (1991). *Manusia dan Islam* (Jld. II). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hasan Langgulung. (1986). *Pengenalan tamadun Islam dalam pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ibn Kathir, al-Hafiz Abi al-Fida' Isma'il 'Umar al-Qurasyi al-Dimasyqi. (2000). *Tafsir al-Qur'an al-'azim*. Beirut: Dar Ibn Hazm.
- Ibn Khaldun, 'Abd al-Rahman. (2005). *Al-muqaddimah al-juz' al-awwal*. 'Abd al-Salam al-Syidadi (Ed.). Maghribi: Al-Dar al-Bayda'.
- Jayaram, V. (2015). *Intention and manifestation*. Dicapai daripada <http://www.hinduwebsite.com/divinelife/divinelaws4.asp>.
- Mat Rofa Ismail. (2012). Penggunaan ilmu mantik dan matematik sebagai tuntutan agama: Memanfaatkan sejarah keilmuan Islam. Dlm. Azrina Sobian (Ed.), *Membina kekuatan sains di Malaysia* (hlm.107-140). Kuala Lumpur: Penerbit Institut Kefahaman Islam Malaysia.
- Mohd Shukri Hanapi. (2013). *Tasawur Islam dan pembangunan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Muhammad Syukri Salleh. (2003). *Pembangunan berteraskan Islam*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors.
- Nor Hanani Ismail. (2015). *Kaedah naqd Hadith sebagai kaedah penentu kesahan data bagi penyelidikan berkaitan Islam*. Tesis doktor falsafah tidak diterbitkan. Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang.
- Ross, R. (1974). *Research: An introduction*. London: Barnes and Nobles Books.
- Sayyid Qutb. (2000). *Tafsir fi zhilalil-Qur'an: Di bawah naungan al-Qur'an* (Jld. X, As'ad Yasin, Abdul Aziz Salim Basyarahil & Muchotob Hamzah, Terj.). Jakarta: Gema Insani.
- Searle, J. R. (1983). *Intentionality: An essay in the philosophy of mind*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Shuhairimi Abdullah. (2009). *Dinamisme nilai-nilai murni menurut perspektif Islam*. Perlis: Penerbit Universiti Malaysia Perlis.
- Sidek Baba. (2012). *Pengurusan Islami: Aplikasi ihsan dan insan*. Kuala Lumpur: Techknowlogic Trading.
- Zakiah Omar. (1999). *Kualiti menurut perspektif Islam*. Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).
- Ziauddin Sardar. (1992). *Hujah sains Islam* (Abdul Latif Samian, Terj.). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.